

Impian atlet olahraga peroleh ijazah tercapai selepas 10 tahun

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Impian atlet olahraga wanita negara, Roslinda Samsu untuk memiliki segulung ijazah akhirnya menjadi kenyataan biarpun terpaksa menunggu selama 10 tahun.

Roslinda, 30, kini mampu tersenyum lebar apabila dia memperoleh Ijazah Pendidikan Jasmani pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-36 yang berlangsung hari ini.

"Bukan mudah untuk menggapai impian ini kerana sebagai seo-



ROSLINDA

rang atlet, saya terikat dengan jadual aktiviti latihan yang padat dan pada masa sama perlu me-



NABIL FIQRI



MOHD. UZAIR

ngikuti kelas di universiti. "Oleh sebab kekangan ini, saya terpaksa berkorban waktu pembelajaran. Walaupun satu tempoh masa agak lama tetapi bagi saya, kejayaan ini sesuatu yang amat berbaloi," kata atlet lompat ber-

galah ini ketika ditemui selepas

majlis itu. Roslinda antara 6,200 graduan yang menerima ijazah dan diploma di istiadat Konvokesyen UPM yang akan berlangsung sehingga 15 Oktober ini.

Berkongsi kegembiraan sama, atlet hoki kebangsaan, Nabil Fiqri Mohd. Noor.

Memperoleh ijazah dalam bidang Sains Perniagaan Tani selepas hampir lima tahun menuntut ilmu katanya, kejayaan itu menjadi bukti atlet juga boleh berjaya

jika ada kesungguhan. Sementara itu, graduan orang kurang upaya (OKU), Mohd. Uzair Jaafar, 22, menyifatkan kejayaan memperoleh ijazah membuktikan tiada yang mustahil untuk mencapai cita-cita.

Pemilik Ijazah Sains Bioteknologi ini tidak pernah menjadikan kesukaran menggunakan kerusi roda disebabkan kudung kedua-dua belah kaki sejak lahir sebagai alasan untuk tidak mencari ilmu.